



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Pejabat
Hal Ehwal Mahasiswa

UNIVERSITI PENYELIDIKAN

UTM.J.06.01.00/10.12/24 (2)

29 September 2010

PEKELILING PEJABAT HAL EHWAL MAHASISWA BIL. 1/2010

Semua Staf Akademik
Semua Staf Pengurusan
Universiti Teknologi Malaysia

PERMOHONAN JAWATAN

1. PENGETUA KOLEJ KEDIAMAN MAHASISWA (staf Akademik sahaja)
2. FELO KOLEJ KEDIAMAN MAHASISWA (staf Kumpulan A sahaja)

Adalah dengan hormatnya dimaklumkan bahawa terdapat kekosongan jawatan Pengetua dan Felo di Kolej Kediaman Mahasiswa, Universiti Teknologi Malaysia. Mengikut kaedah baru yang ditetapkan oleh pihak Pengurusan Universiti, proses pemilihan akan dilaksanakan secara terbuka dan haruslah memaklumkan kekosongan jawatan bagi membolehkan semua staf akademik dan pengurusan universiti yang berminat mengemukakan permohonan.

Sehubungan dengan itu, semua staf akademik dan pengurusan universiti boleh mengemukakan permohonan masing-masing secara bersurat (**bagi jawatan Pengetua**) / mengisi borang permohonan yang boleh didapati di laman web HEMA <http://www.utm.my/hema> (**bagi jawatan Felo**) untuk dipertimbangkan ke jawatan tersebut.

Kriteria pemilihan bagi jawatan Pengetua adalah seperti berikut :

1. Seorang ahli akademik yang cemerlang, berwibawa serta mempunyai ciri-ciri kepimpinan dan cemerlang dan dihormati;
2. Mempunyai pemikiran dan sikap yang proaktif serta mampu mengurus kepelbagaian dalam apa jua;
3. Seorang yang mempamerkan sifat kepimpinan melalui teladan kepada mereka yang di bawah pimpinannya;
4. Mempunyai perwatakan yang dinamik serta bertanggungjawab dan komited kepada tugas dan tanggungjawab berdasarkan nilai-nilai murni masyarakat dan Negara;
5. Berkeupayaan mengenalpasti konflik dan mengurusnya dengan baik serta berhemah;
6. Mempunyai potensi untuk menyumbang secara berkesan terhadap pembangunan Universiti dan pendidikan tinggi Negara secara keseluruhannya.

Intensif dan faedah bagi jawatan Pengetua adalah :

1. Elaun bulanan sebanyak RM800.00 (Ringgit Malaysia : Lapan Ratus sahaja)
2. Kemudahan kediaman berserta perabot, kemudahan elektrik dan air secara percuma di Kolej kediaman.
3. Kemudahan telefon bimbit dan bayaran bil telefon tidak melebihi RM200.00 dibayar oleh Universiti.

Kriteria pemilihan bagi jawatan Felo adalah seperti berikut :

1. Mempunyai minat yang tinggi dalam segala aspek yang berkaitan dengan perkembangan dan pembangunan sahsiah mahasiswa;
2. Menggemari cabaran pada setiap masa;
3. Memahami dan menyokong falsafah dan matlamat Universiti;
4. Berwibawa, sabar dan sedia bekerjasama dengan semua peringkat;
5. Mudah mendampingi mahasiswa dan cepat mesra;
6. Kreatif, inovatif dan berinisiatif

Intensif dan faedah bagi jawatan Felo adalah :


1. Elaun bulanan sebanyak RM200.00 (Ringgit Malaysia : Dua Ratus sahaja)
2. Kemudahan kediaman berserta perabot, kemudahan elektrik dan air secara percuma di Kolej kediaman.

Surat/borang permohonan tersebut hendaklah disertakan dengan *Curriculum Vitae* yang lengkap dan kemaskini. Semua permohonan untuk dipertimbangkan ke jawatan tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bertaraf **-SULIT -** dengan menulis jawatan yang dipohon di penjuru kanan sampul surat dan dihantar kepada Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni), Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH"

Yang benar,



ISMAAL BIN SAMAT

Timbalan Pendaftar Kanan

Pejabat Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni

- s.k
- Y. Bhg. Dato' Naib Canselor
 - Y. Bhg. Timbalan Naib Canselor (HEM & Alumni)
 - Y. Bhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Y. Bhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Pendaftar
 - Bendahari